

MODUL 2 - KLASIFIKASI AKAUN DAN PERSAMAAN PERAKAUNAN

1. Manakah merupakan aset semasa perniagaan?

- A Sewa belum bayar
- B Insurans prabayar
- C Kadar bayaran belum bayar
- D Komisen belum terperoleh

SPM 2008

2. Inventori pada harga kos RM2 560 dijual secara kredit sebanyak RM5 460. Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas aset dan ekuiti pemilik?

	Aset		Ekuiti Pemilik
	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal
A	Berkurang	Bertambah	Bertambah
B	Berkurang	Bertambah	Berkurang
C	Bertambah	Berkurang	Berkurang
D	Bertambah	Bertambah	Berkurang

SPM 2008

3. Berikut adalah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik bagi Perniagaan Sri Medan pada 31 Disember 2007.

	RM
Modal pada 1 Jan. 2007	20 000
Alatan pejabat	8 000
Kenderaan	15 000
Akaun Belum Terima	2 500
Akaun Belum Bayar	2 600
Inventori pada 31 Dis. 2007	1 800
Bank	3 300
Untung bersih	8 000

Berapakah aset bukan semasa bagi perniagaan tersebut?

- A RM7 600
- B RM8 400
- C RM23 000
- D RM30 600

SPM 2008

4. Puan Rohani pemilik Kedai Buku Jaya telah memulangkan enam buah buku matematik kepada pembekal kerana rosak.

Apakah kesan urus niaga ke atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan Puan Rohani?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
B	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
C	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
D	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang

SPM 2009

5. Maklumat berikut diperolehi daripada buku sebuah perniagaan.

Kedai Perabot Ceria menjual almari bernilai RM2 800 dengan harga RM3 500 secara kredit kepada pelanggan.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal
A	(2 800)	3 500	700
B	3 500	(700)	2 800
C	2 800	700	3 500
D	2 800	(3 500)	(700)

SPM 2009

6. Kumpulan item manakah yang merupakan **aset semasa**?

- A** Komisen belum terperolehi, inventori, tunai
- B** Kadar bayaran belum bayar, bank, Akaun Belum Terima
- C** Sewa belum terima, Akaun Belum Bayar, gaji prabayar
- D** Insurans prabayar, Akaun Belum Terima, komisen belum terima

SPM 2010

7. Apakah hasil operasi bagi sebuah kedai menjual perabot?

- A** Faedah atas simpanan
- B** Penerimaan wang sewa ruang niaga
- C** Untung jualan alat pendingin hawa
- D** Jualan set bilik tidur pengantin

SPM 2010

8. Penyata Kedudukan Kewangan berikut tidak disediakan dengan betul.

NAS Enterprise			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2009			
	RM		RM
Premis	18 000	Modal	36 800
Perabot	4 000	Akaun Belum Bayar	14 000
Inventori akhir	20 000		
Akaun Belum Terima	5 500		
Overdraf	2 800		
Tunai	500		
	50 800		50 800

Berapakah jumlah modal akhir jika Penyata Kedudukan Kewangan itu disediakan semula?

- A** RM22 800
- B** RM31 200
- C** RM36 800
- D** RM48 000

SPM 2010

9. Urus niaga berikut telah berlaku dalam perniagaan Kedai Buku Amal.
Encik Amal membayar kepada Pembekal Buku Nikmat RM8 500 dengan cek. Beliau menerima diskaun tunai sebanyak RM200.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)
A	(8 500)	(8 700)	200
B	8 700	8 500	200
C	8 500	8 700	(200)
D	(8 500)	(8 300)	(200)

SPM 2010

10. Pernyataan manakah yang menunjukkan ciri **aset bukan semasa**?

- A Mudah ditukar menjadi tunai
- B Dimiliki untuk tujuan dijual semula
- C Boleh digunakan untuk jangka masa panjang
- D Boleh digunakan untuk tempoh masa yang pendek

SPM 2010

11. Butiran manakah yang merupakan belanja operasi perniagaan?

- A Rugi atas jualan aset bukan semasa
- B Faedah pinjaman bank
- C Insurans peribadi
- D Promosi

SPM 2011

12. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Kerisik.

	RM
Aset bukan semasa	10 000
Aset semasa	6 980
Liabiliti bukan semasa	6 000
Liabiliti semasa	580

Berapakah ekuiti pemilik perniagaan berkenaan?

- A RM10 400
- B RM11 560
- C RM22 400
- D RM23 560

SPM 2011

13. Maklumat berikut merupakan urus niaga yang diperolehi daripada perniagaan Kedai Buku Aziz.

Membayar hutang kepada Pembekal Buku Sinar RM8 500 dengan cek dan menerima diskaun RM200.

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Hasil
A	Berkurang RM8 500	Berkurang RM8 700	Bertambah RM200
B	Bertambah RM8 300	Bertambah RM8 500	Bertambah RM200
C	Bertambah RM8 500	Bertambah RM8 700	Berkurang RM200
D	Berkurang RM8 300	Berkurang RM8 500	Berkurang RM200

SPM 2012

14. Tahun kewangan Kedai Runcit Amiruddin berakhir pada 31 Mei 2011. Data berikut diperoleh daripada buku perniagaannya.

	RM
Kenderaan	15 000
Tunai	4 500
Bank (overdraf)	1 750
Akaun Belum Bayar	2 050
Akaun Belum Terima	3 550

Berapakah modal pada tarikh 31 Mei 2011?

- A RM16 250
- B RM19 250
- C RM19 750
- D RM22 750

SPM 2011

15. Antara yang berikut, yang manakah liabiliti semasa?

- I Dividen belum terima
- II Komisen belum terperoleh
- III Kadar bayaran belum bayar
- IV Insurans prabayar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2012

16. Urus niaga manakah yang akan menambahkan jumlah ekuiti pemilik?

- A Menerima diskaun RM400
- B Membayar sewa kedai RM700
- C Membeli perabot secara kredit RM500
- D Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga RM150

SPM 2012

17. Padanan manakah yang betul?

	Catatan Kontra	Akaun Berkaitan
A	Peruntukan Hutang Ragu	Akaun Belum Bayar
B	Pulangan Keluar	Jualan
C	Pulangan Masuk	Belian
D	Ambilan	Modal

Ubahsuai - SPM 2013

18. Manakah merupakan Catatan Kontra?

- A Belian
- B Jualan
- C Inventori akhir
- D Pulangan keluar

Ubahsuai SPM 2014

19. Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Waris.

	RM
Untung bersih	3 675
Modal awal	32 000
Aset	58 916

Berapakah liabiliti Perniagaan Waris?

- A RM23 241
- B RM26 916
- C RM30 591
- D RM35 675

SPM 2014

20. Berikut merupakan kesan satu urusan niaga terhadap persamaan perakaunan yang diperoleh daripada Kedai Alat Tulis Rejang.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
RM	RM	RM
-350	-400	+50

Pernyataan manakah yang menunjukkan urusan niaga di atas?

- A Menjelaskan hutang bernilai RM400 dengan cek RM350, diskaun diterima RM50
- B Menerima bayaran bernilai RM350 daripada Akaun Belum Terima, diskaun diberi RM50
- C Sebuah mesin taip bernilai RM400 dijual secara kredit pada harga RM350
- D Inventori alat tulis bernilai RM350 dijual secara kredit pada harga RM400

SPM 2016

21. Nilai manakah yang menepati persamaan perakaunan?

	Liabiliti RM	Aset RM	Modal RM
A	2 000	8 000	10 000
B	11 000	5 000	6 000
C	4 000	12 000	16 000
D	4 000	16 000	12 000

SPM 2017

22. Pada akhir tempoh perakaunan, buku perniagaan Tuah Mini Market mempunyai baki seperti berikut:

	RM
Aset	50 000
Liabiliti	19 350

Berapakah modal awal jika perniagaan Tuah Mini Market mengalami kerugian sebanyak RM6 630?

- A RM24 020
- B RM30 650
- C RM37 280
- D RM62 720

SPM 2017

23. Pilih padanan yang betul.

	Akaun	Jenis Akaun	Baki
A	Faedah Atas Pinjaman	Aset	Debit
B	Komisen	Belanja	Kredit
C	Belum Bayar	Liabiliti	Debit
D	Faedah Atas Simpanan Tetap	Hasil	Kredit

SPM 2018

24. Maklumat berikut menunjukkan kesan terhadap persamaan perakaunan.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	Bertambah

Urus niaga manakah menepati kesan berkenaan?

- A Membuat bayaran kepada Akaun Belum Bayar sebanyak RM900 secara tunai
- B Membayar ansuran pinjaman RM1 300 dan faedah pinjaman RM200 dengan cek
- C Jualan tunai RM4 700 bagi inventori berkos RM4 500 telah digunakan untuk menjelaskan Akaun Belum Bayar
- D Menerima bayaran daripada Akaun Belum Terima sebanyak RM5 100 dengan cek untuk menyelesaikan hutang sebanyak RM5 300

SPM 2018

25. Pemilik Kedai Alatan Pejabat Lim telah berkunjung ke Kedai Perabot Tan untuk membeli rak pameran. Kedai Perabot Tan menggunakan komputer untuk merekod urus niaga perniagaan.

Berdasarkan situasi di atas, klasifikasi akaun manakah yang tepat untuk kedua-dua perniagaan?

	Perniagaan	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
I	Kedai Alatan Pejabat Lim	Inventori - Alatan Pejabat	Perabot
II	Kedai Alatan Pejabat Lim	Inventori - Perabot	Alatan Pejabat
III	Kedai Perabot Tan	Inventori - Perabot	Alatan Pejabat
IV	Kedai Perabot Tan	Inventori - Alatan Pejabat	Perabot

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

SPM 2018

26. Urus niaga berikut berlaku dalam sebuah perniagaan.

P	Q
Pemilik membawa masuk kenderaan untuk kegunaan perniagaan.	Pemilik mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri.

Apakah kesan urus niaga P dan Q terhadap Akaun Modal?

	P	Q
A	Bertambah	Bertambah
B	Berkurang	Berkurang
C	Bertambah	Berkurang
D	Berkurang	Bertambah

SPM 2019